

KEBERKESANAN PENGGUNAAN MODUL INTERAKTIF TERHADAP PENCAPAIAN MEMBACA MURID PEMULIHAN

THE EFFECTIVENESS OF USING THE INTERACTIVE MODULE ON THE REMEDIAL PUPIL READING ACHIEVEMENT

Ratna Mohd Razali¹
Adenan Ayob

Universiti Pendidikan Sultan Idris
¹ratna_razali@yahoo.com.my

Accepted date: 15 July 2018

Published date: 15 October 2018

To cite this document: Razali, R. M., & Ayob, A. (2018). Keberkesanan Penggunaan Modul Interaktif Terhadap Pencapaian Membaca Murid Pemulihan. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, (3) (19), 34-56.

Abstrak: Kajian ini dijalankan untuk meningkatkan kemahiran membaca dengan lancar dalam kalangan murid pemulihan tahun 2 dan 3 untuk mata pelajaran Bahasa Malaysia dengan menggunakan Modul Interaktif berbentuk komik. Tajuk kajian ini ialah “Keberkesanan Penggunaan Modul Interaktif Terhadap Pencapaian Membaca Murid Pemulihan”. Kajian ini telah dijalankan di dua buah sekolah iaitu Sekolah Kebangsaan Saint Aidan (M), Bahau dan Sekolah Kebangsaan (F) Bandar Baru Seriting, Bandar Seri Jempol. Kedua-dua sekolah terletak di daerah Jempol, Negeri Sembilan. Responden kajian seramai lima belas orang. Objektif kajian ini ialah mengenal pasti keberkesanan Modul Interaktif dalam meningkatkan prestasi membaca dalam kalangan murid pemulihan; kedua, menghuraikan penggunaan Modul Interaktif menarik minat murid pemulihan untuk membaca, dan ketiga ialah mengenal pasti penggunaan Modul Interaktif sesuai digunakan dalam program pemulihan bacaan sebagai bahan bantu mengajar. Pengkaji memilih penyelidikan kualitatif dan kaedah kajian tindakan dalam kajian ini. Kaedah pengumpulan data kajian terdiri daripada analisis dokumen, pemerhatian, temubual dan soal selidik. Data dianalisis dengan menggunakan triangulasi data dan perisian komputer ATLAS.ti. Kajian ini dijalankan berpandukan model Stephen Kemmis & Mc Taggart dan Model Penyelidikan Johnson. Dapatan kajian menunjukkan peningkatan prestasi membaca dalam kalangan murid-murid pemulihan di samping menarik minat murid untuk membaca. Implikasi daripada kajian ini, guru-guru Bahasa Malaysia boleh mengintegrasikan penggunaan Modul Interaktif dalam pengajaran mereka.

Kata Kunci : Modul Interaktif, Pencapaian Membaca, Murid Pemulihan

Abstract: *This research was conducted to improve the reading skills of remedial pupils in year two and year three for Bahasa Malaysia subject by using the Interactive Modul. The research topic is "The Effectiveness of Using the Interactive Module on The Remedial Pupil Reading Achievement". This research was conducted at a mubaligh school, Sekolah Kebangsaan Saint Aidan (M), Bahau and Sekolah Kebangsaan (F) Bandar Baru Serting, Bandar Seri Jempol. Both schools are located in Jempol District, Negeri Sembilan. The respondents consisted of fifteen pupils. The objective of this research is to improve the reading skills of Malay Language among remedial pupils using Interactive Modul. In addition, another objective is to attract remedial pupils to read using Interactive Modul. The third objective is to enhance the use of comics in teaching and learning as a teaching aid. Data collection methods used in the research were observation, questionnaires, document analysis and interviews. The data was analysed by data triangulation and ATLAS.ti. This research was conducted based on action research model by Stephen Kemmis & Mc Taggart and Johnson Action Research Model. The findings of the study showed improvement in reading achievement among remedial pupils and attracted the remedial pupils to read. The implication of research is the teachers can integrate Interactive Module in their teaching.*

Keywords: *Interactive Module, Reading Achievement, Remedial Pupil*

Latar Belakang Kajian

Kementerian Pendidikan Malaysia telah mewujudkan beberapa program untuk meningkatkan mutu pendidikan di Malaysia. Kerajaan telah melancarkan program 3M (Membaca, Menulis, Mengira) pada tahun 1981. Kemudian, pada tahun 1986, Kurikulum Baru Sekolah Rendah diperkenalkan. Sistem pendidikan ditambah baik lagi dengan mewujudkan Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) iaitu suatu program pendidikan yang menyeluruh dan bersepadu dari segi struktur kandungan, pendekatan serta bahan pengajaran dan pembelajaran. Matlamat KBSR adalah untuk memperkembangkan potensi setiap individu secara menyeluruh bagi melahirkan insan seimbang, harmonis dan berakhlak mulia. Unsur-unsur pengetahuan, kemahiran dan nilai disepadukan dalam semua aktiviti kurikulum dan kokurikulum. Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) yang diperkenalkan pada tahun 2011 bermatlamat melahirkan murid yang kritis, kreatif, inovatif serta memiliki kemahiran insaniah sebagai persediaan untuk menghadapi cabaran semasa dan abad ke-21. Penguasaan kemahiran membaca haruslah dikuasai dari peringkat rendah seterusnya diteruskan kepada peringkat yang lebih tinggi mengikut tahap murid.

Matlamat untuk mengatasi isu 3M dan merapatkan jurang pendidikan terkandung dalam Teras Ketiga dan Keempat Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006–2010. Beberapa perancangan telah dibuat oleh Kementerian Pendidikan Malaysia agar semua murid tahun satu, dua dan tiga menguasai asas membaca, menulis dan mengira. Kementerian Pelajaran Malaysia memastikan bahawa guru pemulihan khas terlatih mencukupi di semua sekolah termasuk di sekolah kurang murid. Kelas-kelas pemulihan khas telah dinaik taraf dan menyediakan prasarana yang mencukupi di dalam kelas-kelas pemulihan. Guru-guru pemulihan juga telah dihantar berkursus dari semasa ke semasa untuk mendalami ilmu pendidikan pemulihan khas. Melalui Transformasi Pendidikan, Program Literasi dan Numerasi, *Literacy and Numeracy Screening (LINUS)* telah diperkenalkan pada bulan Ogos 2009. Program LINUS adalah sebahagian

daripada Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA). Program Transformasi Kerajaan merupakan satu kesinambungan daripada program yang sedia ada bagi mengatasi masalah penguasaan kemahiran asas 3M dengan lebih sistematik. Pelaksanaan program LINUS mensasarkan 100% murid tahun tiga menguasai kemahiran literasi dan numerasi sebelum ke tahun empat mulai tahun 2013 kecuali murid berkeperluan khas.

Guru-guru, khususnya guru-guru tahun satu, dua dan tiga akan mengesan dan mengenal pasti murid-murid yang belum menguasai kemahiran asas membaca, menulis dan mengira. Murid-murid ini akan dimasukkan ke Program Pemulihan Khas. Beberapa pendekatan klinikal, teknik dan kaedah digunakan oleh guru pemulihan untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh murid-murid pemulihan. Rancangan pengajaran dan pembelajaran pemulihan khas disusun dan diatur berdasarkan kurikulum kebangsaan Bahasa Melayu dan Matematik sekolah rendah pada tahun berkenaan. Rancangan pengajaran dan pembelajaran ini mengambil kira pendekatan dan teknik-teknik mengajar yang tertentu berfokuskan keperluan seseorang individu murid. Sistem pendidikan kita bertembung dengan satu keperluan pentaksiran iaitu untuk mengenal pasti siapa yang harus mengikuti program ini dan seterusnya menentukan sama ada seseorang yang diberi rawatan itu sudah bersedia untuk mengikuti pengajaran dan pembelajaran di kelas biasa atau meneruskan Program Pemulihan Khas di kelas pemulihan khas.

Dalam merealisasikan hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia untuk menjadikan sistem pendidikan di Malaysia bertaraf dunia maka Pembelajaran abad ke- 21 diperkenalkan. Pembelajaran abad ke- 21 ialah suatu transformasi dalam dunia pendidikan. Kaedah konvensional seperti pembelajaran berpusatkan guru dan kaedah “*chalk and talk*” telah berubah kepada kaedah yang lebih berpusatkan murid di dalam bilik darjah yang lebih dinamik dan kreatif dengan kandungan yang relevan dan sesuai dengan perkembangan semasa. Ia juga dikenali dengan pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc). Para guru perlu bersedia menghadapi perubahan ini kerana guru merupakan “kumpulan pelaksana” yang dipertanggungjawabkan untuk melakukan perubahan tersebut. Pada masa yang sama, semua guru termasuklah guru pemulihan dan guru pendidikan khas perlu menyedari bahawa dunia pendidikan kini perlu seiring dengan perkembangan zaman agar tidak ketinggalan. Pembelajaran abad ke-21 bermatlamat untuk merealisasikan enam aspirasi murid iaitu murid yang berpengetahuan, murid yang mempunyai kemahiran berfikir, murid yang mempunyai kemahiran untuk memimpin, murid yang mempunyai kemahiran dwibahasa, murid yang mempunyai etika dan kerohanian dan akhir sekali murid yang memaparkan identiti nasional. Enam aspirasi murid dalam pembelajaran abad ke-21 ini merangkumi semua murid di sekolah menengah dan sekolah rendah termasuklah murid-murid pemulihan. Beberapa aktiviti yang menarik dalam pembelajaran dan pemudahcaraan abad ke-21 ialah *gallery walk*, *3 stray*, *jigsaw*, *think pair share*, *round table*, *hot seats*, *role play*, penggunaan peta i-think dan lain-lain.

Selain dari pembelajaran abad ke-21, kemahiran berfikir aras tinggi atau lebih dikenali dengan KBAT perlu diaplikasikan dalam pembelajaran dan pemudahcaraan di dalam kelas. KBAT telah mula diperkenalkan dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2013-2025. KBAT memerlukan murid berfikir di luar kotak pemikiran yang sedia ada. Murid-murid kini amat mahir untuk mengakses maklumat melalui teknologi siber. Oleh hal yang demikian, mereka sering bertanyakan perkara-perkara yang lebih mendalam tentang sesuatu perkara yang tidak terfikir oleh guru bahawa mereka akan bertanya tentang perkara tersebut. Transformasi pendidikan

memerlukan guru yang bersedia menghadapi perubahan kerana guru-guru berhadapan dengan murid-murid yang jauh berbeza dengan murid-murid masa lalu. Teknik menghafal fakta dalam pelajaran bolehlah dikategorikan sebagai kemahiran berfikir aras rendah. Sebagai contoh, murid hanya perlu menghafal dan mengingat kembali fakta atau maklumat yang disampaikan oleh guru kemudian murid akan menjawab soalan yang diberi di atas kertas. Fenomena ini terjadi kerana orang akan melihat sesuatu kejayaan seseorang murid dengan melihat sebanyak mana “A” yang mereka peroleh. Murid yang mendapat “*straight A’s*” dikira paling cemerlang. Dengan memperkenalkan KBAT, murid diajar untuk memahami sesuatu fakta seterusnya dapat mengaplikasikannya dan dapat menyelesaikan sesuatu masalah. Justeru itu, untuk bersaing dengan negara maju dalam bidang pendidikan seperti negara Finland, sistem pendidikan negara perlu berupaya melahirkan generasi muda berpengetahuan, mampu berfikir secara kritis dan kreatif serta mampu berkomunikasi secara berkesan dalam pelbagai bahasa pada peringkat global.

Masalah membaca yang ingin dikaji oleh pengkaji ialah masalah membaca tidak lancar dalam kalangan murid pemulihan. Membaca tidak lancar adalah seperti membatang suku kata terlebih dahulu sebelum dapat menyebut seluruh perkataan, bacaan tersekat-sekat iaitu perkataan demi perkataan dan tidak lancar, teragak-agak (*hesitation*) - teragak-agak bermaksud berhenti sejenak sebelum menyebut sesuatu perkataan sebelum membaca, membaca terlampau lambat atau merangkak-rangkak, tingkah laku yang tidak selesa seperti mengerdipkan mata, mengangkat dahi, menggeleng kepala dan sebagainya. Suara yang terlalu perlahan dan tidak jelas semasa membaca juga dapatlah dikategorikan dalam membaca tidak lancar.

Pernyataan Masalah

Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR), Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM) dan yang terkini, Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) telah digubal untuk memantapkan sistem pendidikan di Malaysia. Namun demikian, isu masalah membaca dalam kalangan murid-murid sekolah rendah dan sekolah menengah masih belum dapat diatasi sepenuhnya. Rentetan dari masalah yang dilaporkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia pada tahun 1999, terdapat 10% hingga 15% murid masih belum menguasai 3M maka impaknya dapat dilihat dari keputusan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) pada tahun 2005. Keputusan tersebut mencatatkan 116,483 orang murid di Malaysia mendapat gred D dan E dalam mata pelajaran yang diambil. Jumlah tersebut menunjukkan satu angka yang besar. Punca dari kegagalan murid tersebut pastilah berpunca dari kelemahan mereka menguasai asas membaca, menulis dan mengira.

Data dari Kelas Integrasi Membaca dan Menulis (KIA2M) pada tahun 2008 menunjukkan seramai 54,000 murid tahun satu yang belum menguasai kemahiran asas membaca dan menulis (literasi). Bilangan murid tahun lima yang belum menguasai kemahiran asas literasi dalam PROTIM (Program Pemulihan 3M) pada tahun 2009 seramai 59,950 orang murid (Naimah Ishak, 2010). Walaupun tahun 2012 telah berlalu, namun isu masalah membaca masih belum dapat diatasi sepenuhnya. Jelasnya, KPI (*Key Performance Indicator*) Kementerian Pendidikan Malaysia tidak tercapai kerana Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menyasarkan bahawa menjelang tahun 2012, semua murid yang tidak mempunyai masalah pembelajaran dapat menguasai asas literasi dan numerasi selepas tiga tahun mengikut pendidikan rendah.

Dewasa ini, masih wujud lagi kelas-kelas pemulihan dan guru-guru pemulihan di sekolah. Apabila kelas pemulihan dan guru pemulihan masih wujud maka masih wujudlah murid-murid pemulihan yang tidak menguasai kemahiran membaca. Fenomena inilah yang menjadi isu yang ingin dikaji dan mencari jalan penyelesaiannya. Pengkaji memfokuskan kajian terhadap isu membaca tidak lancar (membaca merangkak-rangkak) dalam kalangan murid-murid pemulihan tahun dua dan tahun tiga. Mereka tidak faham apa yang mereka baca apabila murid tidak dapat membaca dengan lancar. Masalah ini menjadi semakin serius apabila murid gagal menjawab soalan kefahaman berdasarkan petikan yang diberi. Kesimpulannya, walaupun pihak Kementerian Pendidikan Malaysia telah menjalankan beberapa usaha untuk mengatasi masalah membaca dalam kalangan murid namun usaha-usaha tersebut belum berjaya diatasi sepenuhnya.

Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk:


- i. Mengenal pasti keberkesanan Modul Interaktif dalam meningkatkan prestasi membaca dalam kalangan murid pemulihan.
- ii. Menghuraikan penggunaan Modul Interaktif menarik minat murid pemulihan untuk membaca
- iii. Mengenal pasti penggunaan Modul Interaktif sesuai digunakan dalam program pemulihan bacaan sebagai bahan bantu mengajar.

Soalan Kajian

Sejajar dengan tiga objektif kajian utama kajian ini, maka tiga soalan kajian telah dikemukakan iaitu:

- i. Adakah Modul Interaktif dapat meningkatkan prestasi membaca dalam kalangan murid pemulihan?
- ii. Bagaimanakah Modul Interaktif dapat menarik minat murid pemulihan untuk membaca?
- iii. Adakah penggunaan Modul Interaktif sesuai digunakan dalam program pemulihan bacaan sebagai bahan bantu mengajar?

Kerangka Teori



Petunjuk



Diambil dari Model Kemmis & Mc Taggart



Diambil dari Model Johnson

Rajah 1: Kerangka Konseptual Kajian

Pengkaji telah menggabungkan dan menjana dua model iaitu Model Kemmis & Mc Taggart dan Model Johnson. Berdasarkan peta alir di atas, kajian tersebut melalui beberapa fasa, bermula dengan fasa merancang hinggalah ke fasa sorotan literatur. Sepuluh fasa telah dilalui oleh pengkaji dalam kajian ini. Isu atau masalah dalam kajian ini ialah masalah membaca tidak lancar dalam kalangan murid-murid pemulihan. Dalam fasa merancang, pengkaji menggunakan modul interaktif berbentuk komik yang digunakan dalam aktiviti membaca murid-murid pemulihan.

Model Kemmis & Mc Taggart dan Model Johnson ini digunakan dalam kajian tindakan yang menjurus kepada bidang pendidikan. Tujuan utama adalah untuk mengatasi, menangani dan menyelesaikan masalah dalam pengajaran dan pembelajaran sama ada dalam bentuk penemuan ilmu baharu atau strategi penyelesaian kepada suatu masalah pendidikan untuk mencapai kecemerlangan. Model-model kajian tindakan ini membantu pengkaji untuk mengenal pasti masalah. Ini berlaku apabila pengkaji merenung kembali amalan dan kaedah yang digunakan dalam bilik darjah dari perspektif yang lebih luas dalam membuat tindakan selanjutnya bagi memperbaiki amalan.

Pengkaji menggunakan dua model dalam kajian ini iaitu Model Kemmis & Mc Taggart dan Model Kajian Tindakan Johnson. Pengkaji telah menggunakan lingkaran ke dua model Kemmis & Mc Taggart apabila dua responden pengkaji masih tidak melepasi Saringan LINUS 02 yang dilaksanakan oleh pengkaji. Pengkaji mengulang semula merancang tindakan, membuat tindakan, memerhati dan mereflek. Kedua-dua model ini dijana untuk mendapatkan hasil kajian yang lebih mantap. Bermula dengan model kajian tindakan Johnson iaitu mengenal pasti masalah, pengkaji meneruskan kajian dengan memasukkan empat langkah mengikut Model Kemmis & Mc Taggart dan memasukkan sekali merancang pungutan data. Seterusnya pengkaji kembali semula dengan Model Kajian Johnson sehinggalah langkah berkongsi dapatan dengan pihak yang berkaitan.

Definisi Operasional

Membaca

Bacaan adalah gabungan proses menyuarakan lambang-lambang tulisan, mengamati serta memahaminya (Abu Basar, 1981).

Sorotan Literatur

Keberkesanan Penggunaan Modul Interaktif Terhadap Pencapaian Membaca Murid Pemulihan Mengikut Perspektif Pengkaji di Malaysia.

Norlaila bt Kuslan (2014) dari Universiti Malaya dalam kajian PhD nya yang bertajuk “Aktiviti Pemulihan Bacaan Di Sebuah Sekolah Rendah : Satu Kajian Kes”. Kajian penyelidik ialah tentang pelaksanaan program pemulihan yang dijalankan di sebuah sekolah di Selangor. Penyelidik ingin mengetahui sama ada program pemulihan yang dijalankan di sekolah tersebut mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Beberapa orang pegawai dari Jabatan Pendidikan Selangor telah terlibat sebagai responden dalam kajian. Selain itu, pentadbir sekolah, guru-guru dan murid-murid pemulihan juga telah dijadikan responden dalam kajian ini. Dapatan dari kajian ini menunjukkan bahawa sekolah tersebut telah dapat menjalankan program pemulihan seperti mana yang digariskan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Norlaila bt Kuslan dari Universiti Malaya, dapatlah pengkaji simpulkan bahawa program pemulihan khas telah dapat dijalankan dengan baik di sekolah yang menjadi tempat kajian penyelidik. Pihak Jabatan Pendidikan Selangor, pentadbir sekolah dan guru-guru telah memberikan kerjasama untuk menjayakan pelaksanaan program pemulihan di sekolah tersebut. Pada pendapat pengkaji, sokongan dari pihak atasan seperti pegawai dari Jabatan Pendidikan untuk sentiasa memantau program pemulihan khas adalah amat penting kerana mereka akan sentiasa peka tentang masalah-masalah yang dihadapi oleh guru-guru pemulihan dan juga murid-murid pemulihan di sekolah. Pihak jabatan pendidikan tidak hanya menuding jari kepada pihak sekolah sahaja sekiranya program pemulihan khas yang dijalankan gagal mencapai matlamatnya.

Abdul Rasid Jamian dan Hasmah Ismail dari Universiti Putera Malaysia telah membuat kajian yang bertajuk “Pelaksanaan Pembelajaran Menyeronokkan dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu”. Penggunaan teknik didik hibur merupakan satu teknik yang patut dipraktikkan dalam pengajaran dan pembelajaran dalam usaha mentransformasikan pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Terdapat juga guru yang tidak pandai berjenaka dengan murid-murid. Walaubagaimanapun, keadaan ini dapat diatasi dengan menggunakan bahan bantu mengajar yang mempunyai unsur pembelajaran yang menyeronokkan seperti komik. Komik yang dihasilkan oleh kartunis tempatan seperti Lat amat sesuai digunakan kerana ia mempunyai ilustrasi dan lakaran karikatur yang menarik. Isu kajian ini ialah tentang tingkah laku bermasalah murid di dalam kelas seperti murid yang hiperaktif, murid yang nakal seperti mengganggu rakan semasa sesi pengajaran dan pembelajaran. Kajian ini dijalankan oleh penyelidik untuk merungkai sejauh mana para pendidik menggunakan konsep pembelajaran menyeronokkan di dalam kelas. Selain itu kajian ini juga bertujuan untuk melihat jenis bahan bantu mengajar yang digunakan oleh para pendidik untuk mewujudkan pembelajaran yang menyeronokkan. Adakah para pendidik mampu untuk meningkatkan prestasi pelajaran murid melalui pembelajaran menyeronokkan.

Kajian di atas berfokuskan pembelajaran menyeronokkan di dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih berkesan sekiranya pengajaran disulami dengan unsur humor atau jenaka. Pengkaji berpendapat sebilangan guru boleh melakukan jenaka

secara spontan semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung manakala, sebahagian lagi mempunyai kesukaran untuk berjenaka semasa menyampaikan pelajaran. Oleh hal yang demikian, guru yang mempunyai kesukaran untuk menyelitkan unsur jenaka semasa menyampaikan pelajaran bolehlah menggunakan bahan bantu mengajar yang sesuai untuk mewujudkan pembelajaran yang menyeronokkan. Salah satu bahan bantu mengajar yang sesuai ialah dengan menggunakan komik pendidikan. Selain dari murid merasa seronok semasa belajar, penggunaan komik pendidikan juga dapat meningkatkan minat murid untuk membaca. Berdasarkan dapatan kajian di atas, dapatlah disimpulkan bahawa guru mempunyai keyakinan diri untuk mewujudkan suasana pembelajaran menyeronokkan samada guru boleh berjenaka secara spontan ataupun guru menggunakan bahan bantu mengajar yang mempunyai unsur-unsur jenaka.

Marina bt Ramle (2012) dari Universiti Putera Malaysia telah membuat kajian sarjananya yang bertajuk 'Kesan Teknik Pengajaran Terhadap Prestasi Kemahiran Membaca Murid Pemulihan LINUS'. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti kesan teknik pengajaran terhadap prestasi kemahiran membaca murid pemulihan LINUS. Penyelidik memilih reka bentuk kajian kuasi eksperimen.. Penyelidik hanya menggunakan satu bentuk eksperimen di mana ia digunakan untuk mengena pasti kesan teknik pengajaran yang digunakan boleh mengubah sesuatu hasil yang tertentu. Dalam kajian ini penyelidik menggunakan empat teknik pengajaran iaitu teknik pengulangan, teknik ansur maju, teknik didik hibur dan teknik penggabungjalinan. Data dikumpul melalui pra ujian dan pasca ujian setiap teknik pengajaran yang dijalankan oleh penyelidik. Kajian ini dijalankan selama lima minggu. .Bilangan responden yang terlibat dalam kajian ini seramai 30 orang murid pemulihan LINUS yang mempunyai keupayaan yang sama di sebuah sekolah harian di Puchong, Selangor. Penyelidik menggunakan *Statistical Packages for the Social Sciences* (SPSS)versi 19 untuk menganaalisis data yaang diperoleh. Penyelidik menggunakan skor min ujian pra dan skor min ujian pasca untuk melihat sama ada terdapat perbezaan yang signifikan atau sebaliknya keempat-empat pendekatan yang digunakan manakala ujian-t berpasangan diguna untuk menguji hipotesis yang dibina. Penyelidik mendapati keputusan kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara skor min pra ujian dengan pasca ujian ke atas murid yang sama bagi teknik pengulangan iaitu 1.93. Teknik ansur maju ialah 1.06, teknik didik hibur ialah 0.66 dan teknik penggabungjalinan ialah 0.85. Dapatan kajian ini menunjukkan keempat-empat teknik yang digunakan oleh penyelidik iaitu teknik ansur maju, teknik pengulangan, teknik didik hibur dan teknik penggabungjalinan berkesan meningkatkan pencapaian kemahiran asas membaca dalam kalangan murid tahun 1 yang mengikuti program LINUS.

Kajian yang dibuat oleh Marina bt Ramle dari Universiti Putera Malaysia adalah berkenaan dengan teknik pengajaran yang dilaksanakan oleh guru untuk murid Linus. Penyelidik telah menggunakan teknik pengulangan, teknik ansur maju, teknik didik hibur dan teknik penggabungjalinan. Dapatan kajian menunjukkan teknik yang digunakan ini berjaya meningkatkan pencapaian membaca murid Linus. Pada pendapat pengkaji, kajian ini memberi impak besar kepada program LINUS. Teknik yang digunakan oleh penyelidik sesuai digunakan. Teknik ini menjadi lebih menarik sekiranya mempunyai bahan bacaan yang khusus untuk dijadikan bahan bacaan kepada murid. Bahan bacaan yang dimaksudkan pengkaji ialah komik. Salah satu elemen dalam teknik ini iaitu elemen didik hibur sudah terdapat dalam komik. Elemen didik hibur yang terdapat dalam komik seperti bahan jenaka dan dibantu pula dengan

ilustrasinya. Guru juga boleh melakukan aktiviti latih tubi kepada murid dengan membaca ayat-ayat mudah yang terdapat dalam komik.

“Keberkesanan Penggunaan Modul Kartun Dalam Meningkatkan Pencapaian Biologi Pelajar” ialah tajuk kajian yang dijalankan oleh Ong Eng Tek, Rosmawati Muhammad Khairuddin, Sabri Salleh, Nurlhuda Abd Rahman dari Fakulti Pendidikan dan Pembangunan Manusia dan Fakulti Sains dan Matematik Universiti Pendidikan Sultan Idris. (Jurnal Pendidikan Sains dan Matematik Malaysia Vol 3 No ISSN 2232-0383). Dalam kajian ini, penyelidik telah menggunakan modul kartun dalam mata pelajaran Biologi. Tujuan kajian ini dijalankan ialah untuk melihat perbandingan pencapaian pelajar dengan menggunakan modul kartun dan penggunaan buku teks dalam pengajaran dan pembelajaran guru di dalam kelas. Tajuk yang dipilih dalam kajian ini ialah Ekosistem Terancam (*Endangered Ecosystem*). Penggunaan modul kartun dalam pengajaran dan pembelajaran Biologi memang belum banyak diaplikasikan di Malaysia, namun penyelidik percaya bahawa penggunaan modul kartun ini akan dapat meningkatkan pencapaian pelajar. Responden dalam kajian ini terdiri dari tujuh puluh empat pelajar dari sebuah sekolah menengah perempuan di Perak. Dapatan kajian ternyata menunjukkan peningkatan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Biologi apabila menggunakan modul kartun jika dibandingkan dengan pencapaian pelajar yang menggunakan buku teks.

Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Ong Eng Tek, Rosmawati Muhammad Khairuddin, Sabri Salleh, Nurulhuda Abd Rahman dari Fakulti Pendidikan dan Pembangunan Manusia dan Fakulti Sains dan Matematik Universiti Pendidikan Sultan Idris, modul kartun sesuai digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas walaupun untuk mata pelajaran Biologi. Pengkaji bersetuju dengan pendapat penyelidik bahawa guru perlu mewujudkan suasana pembelajaran menyeronokkan di dalam kelas. Dapatan kajian di atas jelas menunjukkan bahawa pencapaian Biologi meningkat apabila intervensi yang merupakan modul kartun digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran. Setiap guru perlu kreatif untuk menggunakan bahan bantu mengajar yang menyeronokkan murid-murid selain menggunakan buku teks di dalam kelas. Penggunaan modul kartun sebenarnya telah lama digunakan di luar negara seperti negara Jepun, Korea dan Cina. Para guru di sana telah menggunakan modul kartun dalam banyak mata pelajaran termasuklah dalam mata pelajaran Sains seperti Biologi, Fizik dan Kimia. Berdasarkan kajian di atas, pelajar merasa seronok semasa mengikuti pelajaran Biologi walaupun mata pelajaran Biologi dianggap salah satu mata pelajaran yang agak sukar jika dibandingkan dengan mata pelajaran kesusasteraan. Namun demikian, dengan penggunaan modul kartun dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran tersebut maka pelajaran yang dianggap sukar menjadi mudah. Ketidakefektifan sasaran 60:40, menurut Menteri Pengajian Tinggi Malaysia, adalah disebabkan oleh kemerosotan minat terhadap sains dalam kalangan pelajar (Utusan Malaysia, 2012). Dalam hal yang demikian penyelidik berusaha untuk mewujudkan pembelajaran yang menyeronokkan khususnya untuk mata pelajaran Sains. Dalam hal yang demikian pengkaji berminat untuk membuat kajian tentang keberkesanan menggunakan modul interaktif berbentuk komik dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Malaysia di dalam kelas pemulihan.

“Pembelajaran Bahasa Melayu Kanak-kanak Pemulihan Khas : Pembinaan Bahan bantu Mengajar”, menjadi tajuk kajian Nurul Haniza Samsudin, Puteri Roslina Abdul Wahid dan

Salmah Ja'afar, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya. (Jurnal bahasa Melayu, Jilid 28, 2017) . Responden kajian terdiri dari murid-murid pemulihan tahun tiga dari sebuah sekolah rendah di Puchong, Selangor. Penyelidik telah membuat bahan bantu mengajar yang bersifat konkrit dalam pembelajaran Bahasa Melayu. Bahan bantu mengajar yang dibina oleh penyelidik ialah model istana dan kapal yang bertemakan cerita rakyat. Cerita rakyat tersebut diolah semula isi kandungannya. Proses menghasilkan bahan bantu mengajar ini melalui empat peringkat iaitu memilih, mengolah, membina dan menggunakannya dalam proses pengajaran dan pembelajaran asas membaca murid-murid pemulihan. Penggunaan bahan bantu mengajar dalam pengajaran dan pembelajaran bukanlah sesuatu yang baharu dalam dunia pendidikan. Salah satu bahan bantu mengajar yang bersifat konvensional yang masih digunakan sehingga kini ialah papan tulis. Penggunaan papan tulis dan diintegrasikan dengan kaedah "*chalk and talk*", sudah tidak begitu relevan lagi pada masa ini. Hal ini demikian kerana keperluan guru untuk mengajar beberapa konsep, fakta dan mencaari maklumat tidak dapat dibantu oleh penggunaan papan tulis semata-mata. Bahan bantu mengajar yang digunakan pada masa ini haruslah bersesuaian dengan peredaran zaman dengan menerapkan pembelajaran abad ke 21.

Metodologi

Pengkaji menggunakan reka bentuk penyelidikan kualitatif. Kaedah yang digunakan ialah penyelidikan tindakan. Kaedah pengumpulan data yang digunakan ialah temu bual, pemerhatian, analisis dokumen dan kaedah audio visual (rakaman video).

Reka Bentuk Kajian

Pengkaji telah memilih penyelidikan kualitatif dalam kajiannya. Denzin dan Lincoln (1994) berpendapat bahawa penyelidikan kualitatif melibatkan kepelbagaian kaedah secara terfokus, termasuk penggunaan pendekatan naturalistik (semula jadi) untuk menyelidik sesuatu subjek. Pada masa yang sama, Cresswell (1994) mentakrifkan penyelidikan kualitatif sebagai proses inkuiri ke arah pemahaman yang mendasari kaedah pengumpulan data yang lazim digunakan apabila meninjau sesuatu permasalahan sosial. Untuk memastikan pemerolehan data yang lengkap dan mendalam, penyelidik perlu mengekalkan hubungan yang baik dengan peserta penyelidikan, di samping memastikan aktiviti dalam persekitaran sumber data terkawal (Burns,2000).

Menurut Zanaton Iksan (2015) dalam kajiannya yang menggunakan reka bentuk kajian kualitatif, data yang diperoleh perlu diyakini dan benar agar hasil dapatan kajian boleh dipercayai dan tidak dipertikaikan kesahihannya. Kajian kualitatif menggariskan beberapa proses untuk memastikan data yang diperoleh mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi. Data kualitatif berbentuk deskriptif, berupa kata-kata lisan atau tulisan tentang tingkah laku manusia yang dapat diamati (Taylor, 1984). Data kualitatif terhasil dari tiga jenis data sebagaimana berikut (Patton, 1990) :

- i. Hasil pemerhatian: huraian terperinci tentang situasi, kejadian, interaksi, dan tingkah laku yang diamati di lapangan.
- ii. Hasil pembicaraan: kutipan langsung dari pernyataan orang-orang tentang pengalaman, sikap, keyakinan, dan pemikiran mereka dalam kesempatan temubual mendalam

- iii. .Bahan tertulis: petikan atau keseluruhan dokumen, surat-menyurat, rakaman, dan kes sejarah.

Berdasarkan tiga jenis data yang diberikan Patton di atas, dapatlah disimpulkan bahawa data pemerhatian terhasil dari pemerhatian yang dibuat melalui sesuatu situasi atau kejadian yang disaksikan dan juga melalui tingkah laku seseorang yang dapat dilihat. Data percakapan pula dapatlah didefinisikan sebagai data temu bual, contohnya data temu bual dari responden atau informan pengkaji. Bahan bertulis yang dinyatakan Patton pula dapatlah dinyatakan sebagai analisis dokumen seperti surat menyurat, fail-fail peribadi dan sebagainya.

Pengkaji pula perlu mempertimbangkan kemampuan dirinya sendiri dalam membuat sesuatu kajian dengan melihat perkara berikut (Lofland, dikutip Sitorus, 1998) :

- i. Pengkaji kualitatif cukup dekat dengan orang atau situasi yang dikaji, sehingga memungkinkan pemahaman yang mendalam dan tentang hal yang sedang berlangsung.
- ii. Pengkaji kualitatif berupaya menangkap hal yang secara sebenar terjadi dan dikatakan subjek pengkajian.

Sumber data primer adalah responden dan informan tetapi responden berbeza dengan informan. Responden adalah sumber data tentang keragaman dalam gejala, berkaitan dengan perasaan, kebiasaan, sikap, motif dan persepsi manakala informan ialah sumber data yang berhubungan dengan pihak ketiga dan data tentang hal yang membentuk atau gejala umum. Dalam kajian kualitatif, responden dan informan tidaklah ditetapkan bilangannya kerana reka bentuk kajian kualitatif adalah meluas.

Pengkaji menggunakan pendekatan kualitatif dalam kajiannya kerana ia sesuai digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran di mana pendekatan kualitatif digunakan dalam situasi yang memerlukan penerangan terperinci dan mendalam tentang fenomena sosial sebagaimana yang berlangsung dalam keadaan semula jadi. Elemen seperti perasaan, sikap dan tingkah laku manusia berbeza dalam situasi yang berlainan, oleh itu subjektiviti diambil kira dalam pendekatan kualitatif. Penyelidikan kualitatif lebih berfokuskan penelitian fenomena daripada pelbagai perspektif dan pembinaan makna adalah daripada perspektif subjek. Selain itu, dalam kajian kualitatif, pengkaji membuat rakaman pengajaran ketika guru pemulihan menggunakan modul interaktif berbentuk komik dalam pengajaran dan pembelajarannya. Data murid juga dikumpul dalam borang pemerhatian. Kelebihan temu bual ini ialah maklumat diperoleh secara spontan dan realistik.

Kaedah Kajian

Pengkaji menggunakan kaedah kajian penyelidikan tindakan dalam kajian ini. Pelbagai definisi telah dikemukakan oleh pakar-pakar kajian tindakan. Lewin (1946) menyatakan bahawa kajian tindakan merujuk kepada kajian yang dilakukan secara terus untuk menyelesaikan suatu masalah sosial yang dihadapi oleh pengkaji. Kajian tindakan biasanya dilakukan dalam bidang-bidang yang memerlukan tindakan dalam jangka masa yang pendek seperti bidang perubatan, keselamatan, pendidikan dan sebagainya. Elliot (1981) menyifatkan kajian tindakan sebagai suatu kerangka penilaian sendiri dari pendekatan yang digunakan dengan mementingkan aktiviti refleksi dan inkuiri yang bertujuan untuk memperbaiki atau mengubah amalan sendiri daripada

guru, pelajar, pentadbir, ibu bapa, dan individu-individu lain yang berkepentingan. Menurutnya, kajian tindakan juga merupakan penyelidikan situasi sosial yang bertujuan untuk memperbaiki kualiti tindakan dalam lingkungan sendiri. Cochran dan Lytle (1990) mentakrifkan kajian tindakan sebagai penyelidikan berasaskan bilik darjah yang merupakan inisiatif guru dan dilaksanakan oleh guru. Penyelidikan yang dijalankan membolehkan guru meneroka isu-isu yang menarik perhatian mereka. Pendekatan ini juga membolehkan ilmu guru dijadikan sebahagian daripada literatur pendidikan dan seterusnya secara tidak langsung, menyumbang ke arah pembinaan struktur pendidikan. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan kajian tindakan amalan. Pengkaji telah membuat tinjauan di tempat pengkaji mengajar iaitu di bilik darjah (kelas pemulihan). Kajian ini juga melibatkan rakan sejawat (guru pemulihan) dan beberapa orang murid pemulihan.


Kesimpulannya, kajian tindakan bertujuan untuk memperbaiki amalan pengajaran, memperbaiki atau meningkatkan kefahaman terhadap amalan pengajaran dan pembelajaran. Pada pendapat pengkaji, kajian tindakan sesuai dijalankan dalam kajian ini kerana ia melibatkan pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Memang menjadi fokus pengkaji untuk mengkaji masalah membaca murid-murid pemulihan yang melibatkan kelas pemulihan. Dapatlah pengkaji simpulkan bahawa kajian tindakan dapat dilihat sebagai salah satu cara untuk meningkatkan profesionalisme sesuatu profesion, khasnya profesion perguruan melalui penilaian dan penambahbaikan berterusan.

Sampel dan Lokasi

Sampel berkait rapat dengan populasi. Populasi mempunyai jumlah yang besar manakala sampel mempunyai jumlah yang sedikit. Contohnya, dalam sebuah sekolah mempunyai empat ratus orang murid. Tiga puluh orang murid dipilih untuk sesuatu penyelidikan. Tiga puluh orang murid itu dikenali sebagai sampel manakala empat ratus orang murid tadi ialah populasi. Seorang pakar penyelidikan Spindler (1985) berpendapat bahawa subjek bukan sahaja sebagai responden kajian semata-mata tetapi sebagai pakar tentang apa-apa yang ingin diselidiki oleh penyelidik. Ini bermakna murid atau guru yang menjadi responden adalah orang penting dan pakar rujuk bagi penyelidik.

Jumlah sampel atau responden dalam kajian ini ialah seramai 15 orang yang terdiri dari 9 orang lelaki dan 6 orang perempuan. 10 orang responden adalah dari SK Saint Aidan manakala 5 orang responden dari SK (F) Bandar Baru Serting. Menurut Lenth (2001), bukan semua masalah saiz sampel adalah sama; hakikatnya, saiz sampel tidak mempunyai kepentingan dalam semua penyelidikan. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan penyelidikan kualitatif, maka pengkaji memerlukan bilangan responden yang kecil. Responden yang kecil memudahkan pengkaji mengumpul data yang lebih terperinci dari setiap responden, contohnya data tentang latar belakang responden, keadaan fizikal responden, tahap pencapaian responden dalam ujian yang dijalankan dan lain-lain. Pengkaji juga lebih mudah bersemuka dan lebih mengenali semua responden semasa dalam proses mengumpul data seperti melakukan temu bual dan membuat soal selidik.

Analisis Data




Rajah 2: Analisis data menggunakan ATLAS.ti.

Dapatan dari analisis temu bual yang menggunakan perisian ATLAS.ti. seperti Rajah 2 menunjukkan penggunaan Modul Interaktif dapat meningkatkan pencapaian murid, dapat menarik minat murid dan sesuai digunakan sebagai bahan bantu mengajar. Ia dapat dijelaskan lagi berdasarkan jadual 1 dan rajah 3. Jadual tersebut menunjukkan kesesuaian bahan berjumlah sebelas iaitu lapan dari temu bual guru dan tiga dari temu bual murid. Minat murid pula berjumlah dua belas, enam dari temu bual guru dan enam dari temu bual murid. Pencapaian murid berjumlah lima iaitu tiga dari temu bual guru dan dua dari temu bual murid.

Jadual 1: Analisis Temu bual Menggunakan Modul Interaktif berdasarkan ATLAS.ti

	Temu bual guru	Temu bual murid	JUMLAH
Kesesuaian bahan	8	3	11
Minat murid	6	6	12
Pencapaian murid	3	2	5
JUMLAH	17	11	28



Rajah 3. Analisis Temu bual Menggunakan Modul Interaktif

Dapatan Kajian

Berdasarkan temu bual bersama GP1, GP2 dan GP3, Modul Interaktif telah digunakan oleh mereka dalam pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas pemulihan. Mereka mula menggunakan Modul Interaktif yang berbentuk komik tersebut pada penghujung bulan April 2016. Komik tersebut digunakan dalam aktiviti membaca murid pemulihan setiap hari. Penggunaan Modul Interaktif dalam kalangan murid pemulihan dijelaskan dalam sesi temu bual seperti dalam petikan berikut :

GP1 : ‘...Ya, saya memang menggunakan komik *Upin & Ipin* dalam kelas. Hampir setiap hari saya menggunakan komik tersebut untuk mengajar murid saya membaca...’.

GP2 : “...Saya gunakan komik *Upin & Ipin* dalam kelas. Saya ajar murid membaca secara kumpulan. Lepas tu saya ajar mereka membaca secara individu pula...”.

GP3 : “...Saya guna komik tersebut untuk semua murid pemulihan saya, tahun dua dan tahun tiga....”.

Semua responden telah menduduki Saringan LINUS 1 pada bulan April 2016 dan Saringan LINUS 2 pada bulan Ogos 2016. Semua responden yang terdiri dari murid pemulihan adalah murid LINUS. Mereka perlu melalui Saringan LINUS 1 dan Saringan LINUS 2 dalam kemahiran membaca dan menulis. Soalan untuk kedua-dua saringan ini disediakan oleh KPM dan saringan ini dijalankan serentak di seluruh Malaysia. Murid-murid perlu menguasai dua belas kontruk yang ditetapkan dalam Saringan LINUS untuk lulus dalam saringan tersebut. Dua belas kontruk tersebut seperti dalam Jadual 2 di bawah.

Jadual 2: Dua belas Kontruk dalam Saringan LINUS Membaca

Kontruk		
1	a	<ul style="list-style-type: none"> Menamakan lima huruf vokal dengan betul
	b	<ul style="list-style-type: none"> Menamakan sekurang-kurangnya 8 daripada 10 huruf konsonan dengan betul.
2		<ul style="list-style-type: none"> Membunyikan sekurang-kurangnya 4 daripada 5 suku kata terbuka dengan betul
3		<ul style="list-style-type: none"> Membaca sekurang-kurangnya 4 daripada 5 perkataan suku kata terbuka dengan betul
4		<ul style="list-style-type: none"> Membunyikan sekurang-kurangnya 4 daripada 5 suku kata tertutup dengan betul
5		<ul style="list-style-type: none"> Membaca sekurang-kurangnya 4 daripada 5 perkataan yang mengandungi suku kata tertutup dengan betul
6		<ul style="list-style-type: none"> Membaca sekurang-kurangnya 4 daripada 5 perkataan yang mengandungi suku kata tertutup 'ng' dengan betul
7		<ul style="list-style-type: none"> Membaca sekurang-kurangnya 4 daripada 5 perkataan yang mengandungi diftong dengan betul
8		<ul style="list-style-type: none"> Membaca sekurang-kurangnya 4 daripada 5 perkataan yang mengandungi vokal berganding dengan betul
9		<ul style="list-style-type: none"> Membaca sekurang-kurangnya 4 daripada 5 perkataan yang mengandungi digraf dan vokal bergabung dengan betul
10		<ul style="list-style-type: none"> Membaca sekurang-kurangnya 4 daripada 5 perkataan dan frasa berimbuhan dengan betul
11		<ul style="list-style-type: none"> Membaca sekurang-kurangnya 2 daripada 3 ayat mudah dengan betul
12		<ul style="list-style-type: none"> Membaca petikan dan menjawab secara lisan sekurang-kurangnya 2 daripada 3 soalan dengan betul.

Keputusan Saringan LINUS 1 seperti Jadual 3 di bawah. Keputusan saringan LINUS 1 pada bulan April menunjukkan 15 responden tidak menguasai kemahiran saringan LINUS membaca yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dalam portal nkra LINUS. (<https://nkra.moe.gov.my/>).

Jadual 3: Keputusan Saringan LINUS 1

Murid	Saringan LINUS 1 (April 2016)
M01	Tidak Menguasai
M02	Tidak Menguasai
M03	Tidak Menguasai
M04	Tidak Menguasai
M05	Tidak Menguasai
M06	Tidak Menguasai
M07	Tidak Menguasai
M08	Tidak Menguasai
M09	Tidak Menguasai
M10	Tidak Menguasai
M11	Tidak Menguasai
M12	Tidak Menguasai

M13	Tidak Menguasai
M14	Tidak Menguasai
M15	Tidak Menguasai

Pada bulan Ogos 2016, responden sekali lagi menduduki Saringan LINUS 2. Jadual 4 di bawah menunjukkan keputusan Saringan LINUS 2 yang diduduki responden pada bulan Ogos 2016. Berdasarkan keputusan tersebut, tiga belas responden telah menguasai kemahiran membaca. Dua orang responden masih tidak menguasai kemahiran membaca.

Jadual 4: Keputusan Saringan LINUS 2


Murid	Saringan LINUS 2 (Ogos 2016)
M01	Tidak Menguasai
M02	Tidak Menguasai
M03	Menguasai
M04	Menguasai
M05	Menguasai
M06	Menguasai
M07	Menguasai
M08	Menguasai
M09	Menguasai
M10	Menguasai
M11	Menguasai
M12	Menguasai
M13	Menguasai
M14	Menguasai
M15	Menguasai

Keputusan keseluruhan saringan LINUS 1 dan saringan LINUS 2 pada tahun 2016 menunjukkan peningkatan yang ketara. Jadual 5 dan Rajah 4 menunjukkan keputusan keseluruhan keputusan Saringan tersebut. Semua responden (0%) tidak menguasai kemahiran membaca manakala dalam Saringan LINUS 2, 13 responden (86.6%) telah menguasai kemahiran membaca. Hanya

dua orang responden (13.4%) yang masih belum menguasai kemahiran membaca. Berlaku peningkatan kelulusan sebanyak 86.6%. Berdasarkan keputusan Saringan LINUS 2 membuktikan bahawa penggunaan Modul Interaktif berbentuk komik yang digunakan oleh GP2 dan GP3 dalam aktiviti membaca dalam kelas pemulihan meningkatkan kemahiran membaca responden.

Jadual 5: Keputusan Keseluruhan Saringan LINUS 1 dan Saringan LINUS 2

Saringan membaca LINUS	Jumlah responden MENGUASAI saringan membaca	Jumlah responden TIDAK MENGUASAI saringan membaca
Saringan LINUS 1	0 (0%)	15 (100%)
Saringan LINUS 2	13 (86.6%)	2 (13.4%)




Rajah 4: Keputusan Saringan LINUS 1 dan Saringan LINUS 2

M01 dan M02 gagal dalam Saringan LINUS 2. M01 dan M02 masih belum menguasai kontruk 10, 11 dan 12 dalam Saringan LINUS 2. Kontruk 11,12 dan 13 seperti dalam Jadual 6 di bawah.

Jadual 6: Kontruk 10, 11 dan 12 dalam Saringan LINUS

Kontruk	
10	<ul style="list-style-type: none"> Membaca sekurang-kurangnya 4 daripada 5 perkataan dan frasa berimbuhan dengan betul
11	<ul style="list-style-type: none"> Membaca sekurang-kurangnya 2 daripada 3 ayat mudah dengan betul
12	<ul style="list-style-type: none"> Membaca petikan dan menjawab secara lisan sekurang-kurangnya 2 daripada 3 soalan dengan betul.

Pengkaji meneruskan kajian berpandukan Model Kemmis & Mc Taggart seperti rajah 5 di bawah terhadap dua orang responden (M01 dan M02) yang masih belum menguasai kemahiran membaca. Pengkaji memulakan dengan perancangan untuk masuk ke kitaran kedua. Langkah-langkah seperti kitaran satu yang dilakukan oleh pengkaji sebelum ini diulang semula. GP02 terus menggunakan Modul Interaktif dalam aktiviti membaca dalam kelas pemulihan bersama M01 dan M02 yang masih belum menguasai kemahiran membaca berdasarkan keputusan Saringan LINUS 2, 2016.



Rajah 5 : Model Kemmis & Mc Taggart

Berdasarkan temu bual yang dibuat oleh pengkaji bersama GP02 seperti dalam petikan berikut:

“.. Saya terus menggunakan komik Upin & Ipin untuk membantu Syah Iman dan Ammar Danial dalam aktiviti membaca. Pengajaran saya menjadi lebih mudah dan dapat memberikan tumpuan sepenuhnya kepada Iman dan Ammar kerana rakan-rakan mereka yang lain telah kembali ke kelas aliran perdana... ”

Setiap tahun KPM akan membuat Saringan LINUS untuk murid tahun satu, dua, tiga dan empat untuk mata pelajaran Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris dan Matematik. Tahun 4 hanya menduduki Saringan Linus untuk mata pelajaran Bahasa Inggeris sahaja. Saringan LINUS dijalankan sebanyak dua kali iaitu bulan April dan bulan Ogos. Oleh yang demikian, pada bulan April 2017, M01 dan M02 telah menduduki Saringan LINUS 1 tahun tiga.

Berdasarkan Jadual 7 di bawah, kedua-dua responden yang tidak melepasi Saringan LINUS 2 pada tahun 2016 telah melepasi Saringan LINUS 1 pada tahun 2017. Keputusan Saringan LINUS 1, 2017 kedua-dua responden boleh dilihat melalui portal LINUS nkra KPM. (<https://nkra.moe.gov.my/>). Apabila semua responden ini telah melepasi Saringan LINUS membaca bermakna mereka sudah menguasai kemahiran membaca. Dapatlah disimpulkan bahawa telah berlaku peningkatan prestasi membaca semua responden. Menurut GP02 dan GP03 melalui temu bual yang dibuat oleh pengkaji, penggunaan Modul Interaktif amat membantu responden lulus atau menguasai Saringan LINUS.

Jadual 7: Keputusan Saringan LINUS 1 2017

Murid	Saringan LINUS 1 (April 2017)
M01	Menguasai
M02	Menguasai

Data telah dianalisis dengan menggunakan kaedah triangulasi data dan juga perisian ATLAS.ti. Beberapa dapatan telah diperoleh setelah semua data dianalisis. Peningkatan pencapaian membaca responden dapat dilihat melalui keputusan Saringan LINUS pada September 2016 dan April 2017. Semua responden yang berjumlah lima belas orang telah menguasai kemahiran membaca. Selain itu dapatan kajian ini juga dapat mengenal pasti minat membaca murid meningkat dengan menggunakan Modul Interaktif berbentuk komik berdasarkan analisis temu bual, pemerhatian dan rakaman video yang dijalankan. Melalui analisis dokumen seperti Rancangan Pengajaran Harian (RPH) guru pemulihan (GP01, GP02 dan GP03), kesesuaian Modul Interaktif digunakan sebagai bahan bantu mengajar dapat dikenal pasti kerana Modul Interaktif digunakan oleh mereka setiap hari semasa pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas pemulihan. Analisis temu bual dengan menggunakan perisian ATLAS.ti. juga membuktikan penggunaan Modul Interaktif mampu meningkatkan prestasi membaca responden, menarik minat responden untuk membaca di samping kesesuaian Modul Interaktif dijadikan sebagai bahan bantu mengajar di dalam kelas pemulihan.

Perbincangan

Dapatan kajian yang diperoleh secara keseluruhannya menunjukkan bahawa Modul Interaktif dapat meningkatkan prestasi membaca murid pemulihan. Kajian ini juga mendapati Modul Interaktif berjaya menarik minat murid pemulihan membaca dan seterusnya sesuai dijadikan bahan bantu mengajar di dalam kelas pemulihan. Penemuan kajian ini juga menyokong dapatan kajian oleh Charlie Anak Ungang (2008) yang mendapati penggunaan bahan bantu mengajar membolehkan pengajaran guru lebih selesa dan menggalakkan dalam proses pengajaran asas bacaan dalam kelas pemulihan. Peruntukan dari pihak KPM yang disalurkan kepada pihak sekolah untuk semua panitia mata pelajaran perlulah digunakan dengan sebaik-baiknya terutama untuk membeli bahan bantu mengajar. Selain daripada itu, dapatan kajian ini juga menyokong dapatan kajian Ong Eng Tek, Rosmawati Muhammad Khairuddin, Sabri Salleh, Nurulhuda Abd Rahman dari Universiti Pendidikan Sultan Idris (Jurnal Pendidikan Vol 3 No ISSN 2232-0383). Dapatan kajian ini menunjukkan pencapaian pelajar-pelajar yang terlibat dalam pembelajaran menggunakan kaedah modul kartun adalah lebih tinggi dan signifikan secara statistik jikalau dibandingkan dengan pencapaian pelajar yang terlibat dalam kaedah pembelajaran buku teks.

Dapatan kajian Azalina Abdul Wahab (2013) menunjukkan bahawa pelajar lebih mudah mengingat fakta melalui ilustrasi kartun yang dilukis oleh mereka sendiri. Pelajar merasa seronok dan tidak tertekan untuk mengingat beberapa fakta sejarah. Dapatan ini menyokong kajian yang dijalankan oleh pengkaji berkenaan dengan Modul Interaktif yang berbentuk komik yang mudah membantu murid pemulihan untuk membaca dan mengingat semula apa yang mereka baca walaupun ilustrasi kartun tersebut bukan dilukis oleh mereka. Kedua-dua dapatan ini menunjukkan bahawa penggunaan ilustrasi kartun dapat membantu guru dalam pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas sama ada dalam kemahiran membaca ataupun dalam kemahiran mengingat fakta pelajaran.

Cadangan

Kajian tentang keberkesanan penggunaan Modul Interaktif terhadap pencapaian membaca murid pemulihan bertujuan untuk melihat peningkatan pencapaian membaca murid pemulihan dengan menggunakan Modul Interaktif berbentuk komik. Selain itu ia juga bertujuan untuk melihat kemampuan Modul Interaktif dijadikan sebagai bahan bantu mengajar di dalam kelas pemulihan, sekaligus menarik minat murid pemulihan untuk membaca. Walaupun kajian ini telah merumuskan beberapa dapatan yang positif, namun ia belum dapat menggambarkan situasi sebenar atau dibuat perbandingan dengan sekolah-sekolah lain. Ini disebabkan oleh bilangan responden yang kecil dan kajian hanya dijalankan di dua buah sekolah sahaja. Oleh itu, kajian lanjutan boleh dijalankan dengan melibatkan responden yang lebih ramai dan sekolah-sekolah yang lebih banyak, melibatkan daerah-daerah di Negeri Sembilan.

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan dua buah komik iaitu komik Upin & Ipin yang bertajuk “Nenek Kebayan” dan komik *Kampung Boy* yang bertajuk “Debab”. Dalam kajian yang akan datang, pengkaji boleh menggunakan lebih banyak komik yang bermula dengan Komik 1 hingga Komik 5, bermula dengan tahap bacaan yang rendah hingga ke tahap bacaan yang lebih tinggi. Kaedah ini dapat memotivasikan murid untuk cuba berusaha mencapai tahap bacaan yang tertinggi. Untuk tujuan kajian lanjutan, penggunaan modul kartun boleh diaplikasikan dalam mata pelajaran yang lain pula seperti mata pelajaran Sains, Geografi, Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Reka Bentuk Teknologi, Agama Islam, Pendidikan Moral dan lain-lain.

Komik berbentuk fiksyen Sains telah lama wujud tetapi tiada pihak yang mengetengahkan penggunaan komik ini di dalam mata pelajaran Sains walaupun komik Sains ini mempunyai impak yang tinggi. Murid-murid mudah tertarik dengan penampilan fakta-fakta Sains yang berbentuk komik kerana bahasanya yang ringkas dan mudah difahami jika dibandingkan dengan buku teks. Begitu juga dengan komik yang berlatar belakang pendidikan Islam seperti Komik yang bertajuk ‘Mari Bersolat’, ‘Mari Mengaji’, ‘Mari Berpuasa’ dan sebagainya telah berada di pasaran tetapi masih ramai yang tidak sedar akan kewujudannya. Pengajaran-pengajaran dan nilai-nilai murni yang terdapat dalam komik-komik bercoarak begini amat mudah lekat di hati kanak-kanak jika dibandingkan dengan buku-buku yang bercorak formal. Kesimpulannya, modul komik yang berbentuk ilmiah digalakkan penggunaannya di dalam pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas sama ada di sekolah rendah ataupun di sekolah menengah.

Penutup

Secara keseluruhannya kajian ini dapat mencapai objektifnya iaitu penggunaan Modul Interaktif dapat meningkatkan pencapaian membaca murid pemulihan. Di samping itu dapat menarik minat murid pemulihan membaca dan digunakan sebagai bahan bantu mengajar di dalam kelas. Kaedah penyelidikan tindakan yang digunakan oleh pengkaji ternyata berjaya dalam kajian ini. Selain itu, pengkaji menggunakan sepenuhnya model Stephen Kemis & Mc Taggart dan juga Model Tindakan Johnson. Kedua-dua model ini ternyata membantu pengkaji membuat kajian dengan sistematik. Selain itu, banyak kajian yang telah dibuat di Malaysia ataupun di luar negara tentang masalah membaca murid termasuklah kajian tentang masalah membaca murid pemulihan. Di antara penyelidik yang membuat kajian Phdnya ialah Norlaila bt Kuslan (2014), dari Universiti Malaya, Tiong Leh Ling (2011) dari Universiti Teknologi Malaysia dan Zainiah Mohamad Isa (2013), dari Universiti Pendidikan Sultan Idris. Selain itu penyelidik dari luar negara yang membuat kajian tentang isu membaca termasuklah Suraya Tarasat (2014), dari Universiti Brunei, Jessica Marinaccio (2012), dari St John Fisher College dan Chou Chuing (2012), Prudence National Chengchi University, Taiwan.

Pengkaji telah menggunakan reka bentuk kajian kualitatif yang memerlukan penerangan terperinci dan mendalam tentang fenomena sosial. Beberapa temu bual bersama guru pemulihan, guru mata pelajaran dan responden itu sendiri telah dibuat dengan jayanya. Semua data temu bual telah dianalisis menggunakan perisian komputer ATLAS.ti. Selain dari temu bual, pengkaji juga melakukan pemerhatian, soal selidik, analisis dokumen dan rakaman video untuk mengumpul data. Semua keputusan Saringan LINUS 1 dan Saringan LINUS 2 dan Ujian Literasi Membaca telah dianalisis. Keputusan menunjukkan prestasi membaca responden dapat ditingkatkan. Berdasarkan keputusan kajian yang positif, pengkaji telah berkongsi idea tentang Modul Interaktif bersama pihak pentadbir sekolah iaitu guru besar, guru penolong kanan pentadbiran dan guru pemulihan. Melalui kajian yang telah dijalankan sedikit sebanyak dapat membantu menyelesaikan isu membaca murid-murid pemulihan di dua buah sekolah ini.

Rujukan

- Al-Quran. (1993). Surah Al-Alaq ayat 1-5. Pulau Pinang. Percetakan Tahdi
- Abd.Aziz Abd Talib. (2000). *Pedagogi Bahasa Melayu: Prinsip, Kaedah dan Teknik*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributor Sdn. Bhd.
- AR Jamian, H.Ismail.(2016). Pelaksanaan Pembelajaran Menyeronokkan dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu, *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 3(2), 49-63.
- Bailey, C.A. (2007). *A Guide to Qualitative Field Research* (Edisi ke 2). London. Pine Forge Press.
- Buku Manual Kajian Tindakan Edisi Ketiga. (2008). Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Cochran Smith, M., & Lytle, S, L (1990). Research on teaching and teacher research: The issues That divide. *Educational Researcher*. 19(2):pp 2-10
- Creswell, J.W.(1994). *Research Design: Qualitative & Quantitative Approaches* Thousand Oaks, CA: Sage.
- Fadzilah Abd.Rahman. (2012). *Penggunaan Komik Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kemmis, S, & Mc Taggart, R. (1982). *The Action Research Planner*. Victoria, Australia: Deakin University Press.

- Marohaini Yusoff (Ed).(2001).*Penyelidikan Kualitatif:Pengalaman Kerja Lapangan*.Kuala Lumpur:Penerbit Universiti Malaya.
- [McCloud, Scott](#), *Understanding Comics: The Invisible Art*. New York: Harper Collins & Kitchen Sink Press. 1994. [ISBN 0-06-097625-X](#), pg 17
- Miles,M.B. & Huberman,A.M. (1994). *Qualitative Data Analysis* (Edisi ke-2) London:Sage.
- Muhamad Nur Khalit (Lat).(2008). *Komik Kampung Boy*. Kuala Lumpur:Berita Publishing
- Norlaila Kusnan.(2014).Aktiviti Pemulihan Bacaan di Sebuah Sekolah Rendah:Satu Kajian Kes.Tesis PhD. Universiti Malaya.
- Patton,M.Q.(1990).*Qualitative Evaluation and Research Methods* (2nd ed.).Newbury Park,CA:Sage Publications,Inc.
- Ramlah Jantan, Md Nasir Masran, Abd Aziz Shukor, Dr Suppiah dan Roslinda Mustapha (2012)Model Alternatif Membaca Untuk Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu Untuk Murid-murid Orang Asli di Sekolah Rendah Selangor, Perak, Kelantan, Pahang, Kedah dan Johor.UPSI.
- Rudi Mahmood & Rossem (2014). *Komik:Cermin Budaya Bangsa yang Harus Dipertahankan*.Selangor : Creative Interprise Sdn Bhd.
- Samuels, S. J. (2006). Toward a model of Reading fluency. Dalam Samuels, S. Farstrup(Eds.) *What research say about fluency instruction* (hal 24-460. Newark, D.E :InternationalReading Association.
- Seminar Inovasi dan Kajian Tindakan 2014. (2014). Institut Pendidikan Guru Kampus Raja Melewar. Sektor Pengurusan Akademik, Jabatan Pendidikan Negeri, Negeri Sembilan Darul Khusus.
- Sukatan Pelajaran Bahasa Malaysia Tahun Dua, Kemeterian Pendidikan Malaysia
- Suraya Tarasat (2014). *Kesan Penggunaan Perisian Asas Membaca Terhadap Pencapaian Membaca Murid Peringkat Pra Sekolah*.Tesis Sarjana.Universiti Brunei.
- Somekh,B.(1989).The role of action research in collaborative enquiry and school improvement. *Classroom action research Bulletin*, No 9a, Norwich,UEA.
- Taylor,SJ dan R Bogdan.1984.*Introduction to Qualitative Research Methods:The Search for Meanings*.Second Edition.John Wiley and Sons.Toronto.
- Tioh Lah Ling dan Zaidatun Tasir.(2009).Pendekatan Pembelajaran kemahiran Membaca Menerusi Lagu dan Muzik. [http://eprints.utm.my/7904/1/EDUPRES_\(F2\)_8.pdf](http://eprints.utm.my/7904/1/EDUPRES_(F2)_8.pdf) Muat turun pada 25 April 2016
- Wiersma,W.(2000). *Reserach Method in Education: An Intoduction* (Edisi ke-7).Boston.Allyn and Bacon.
- Zinitulniza Abdul Kadir. (2010). *Komik Bentuk Minda Kreatif*. Kuala Lumpur : Institut Terjemahan Negara Malaysia (ITNM).
- Zulkifley Hamid (2006). *Aplikasi Psikolinguistik Dalam Pengajaran dan Pemelaaran Bahasa*. Selangor: PTS Profesional.
- Za'ba (1954). *Bahasa Melayu Kelebihan dan Kekurangan*, transliterasi oleh Klasika Media-Akademi Jawi Malaysia (2013)
- Zainiah Mohd Isa.(2013).Keberkesanan Kaedah Pembacaan Buku Cerita Terhadap Kemahiran Kemunculan Literasi Kanak-kanak Pra Sekolah.Tesis PhD.UPSI
- Zainaton Iksan,Salasian Hanin Hamiah,Tengku Intan Zarina,Mohd Noor Saper.(2015). *Kualiti Ilmu Berasaskan Kesahan dan Kebolehpercayaan Data dalam Penyebaran Ilmu Islam:Perbincangan Berasaskan Kajian Kualitatif*.Universiti Kebangsaan Malaysia.

Zamri Mohamad, Mohamad Amin Embi.(2005).Jurnal Teknologi.Universiti Teknologi Malaysia.